

03 NOV 1997

PEMIMPIN-PEMIMPIN G15 MEMULAKAN SESI TERTUTUP

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin G15 memulakan sesi tertutup mereka petang ini selepas menyuarakan perlunya urusan mata wang yang terkawal dan peraturan perdagangan yang adil di pembukaan sidang kemuncak ketujuh perkumpulan itu di sini.

Sidang kemuncak tiga hari itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dihadiri oleh lapan lagi pemimpin.

Pemimpin-pemimpin lain dalam sesi itu ialah Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Hosni Mubarak dari Mesir, Presiden Alberto Fujimori dari Peru, Presiden Liamine Zouar dari Algeria, Naib Presiden Argentina Dr Carlos Ruckauf, Naib Presiden India Krishan Kant dan Timbalan Perdana Menteri Dr Seymour Mullings dari Jamaica.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela and Zimbabwe.

Kenya menjadi anggota ke 16 perkumpulan itu di sidang kali ini.

Esok, pemimpin-pemimpin itu akan beristirahat di Melaka Bandaraya Bersejarah. -- BERNAMA

TCL PR